

Sedar kepentingan Akta Hasutan 1948

u/malaysia
14/1/15
m/s 12

Oleh **NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED**



Situasi dan senario politik serta kemajuan teknologi pada ketika akta ini digubal iaitu pada 1948 jauh berbeza dengan apa yang sedang kita hadapi sekarang.

BEBERAPA peristiwa yang berlaku dalam negara kita mutakhir ini dengan sendirinya menceritakan betapa pentingnya Akta Hasutan 1948 perlu dikekalkan malah wajar digunakan demi menjaga kepentingan rakyat dan juga negara. Terkini sudah ada pihak yang menuduh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mempromosikan fahaman ekstremis pada setiap hari Jumaat di negara ini dan sudah pastinya merujuk kepada khutbah solat Jumaat. Isu agama adalah satu perkara yang cukup sensitif.

Masyarakat terutamanya umat Islam yang merupakan penduduk majoriti negara ini akan mudah tersentuh dan mengundang pelbagai reaksi apabila ada pihak cuba mempersenda ataupun mencampuri urusan agama Islam di negara ini. Kadang-kadang kita rasa cukup pelik apabila individu-individu yang boleh dikategorikan sebagai cerdik pandai turut sama mempersoalkan sesuatu perkara yang cukup jelas dan nyata.

Misalnya, dalam konteks khutbah Jumaat semua orang tahu ia merupakan rukun yang wajib dan hari Jumaat itu sendiri begitu dimuliakan oleh seluruh umat Islam. Tambahan pula kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan juga sudah cukup jelas dalam Perlembagaan. Maka kenapa masih ada yang mahu bermain api? Apa tujuan sebenarnya kalau bukan untuk membuat provokasi dan memecah-belahkan masyarakat. Maka di sinilah kita perlu akui, sedar dan terima hakikat betapa Akta Hasutan cukup penting dan boleh memainkan peranan dalam meredakan segala ketegangan yang muncul.

Keputusan kerajaan serta ketegasan, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam mengekalkan Akta Hasutan 1948

sememangnya terus mendapat sokongan pelbagai pihak. Majoriti rakyat yang sayangkan negara dan cintakan keamanan serta kestabilan politik lega dan bersyukur apabila Najib mengumumkan bahawa pihak kerajaan tidak akan memansuhkan akta ini seperti yang telah dicadangkan sebelum ini.

Malah rakyat juga amat bersetuju dan menyokong penuh hasrat kerajaan yang bercadang untuk memperkuat dan memperkukuhkan lagi akta ini sekurang-kurangnya dalam dua perkara iaitu, melindungi kesucian agama Islam dan tidak boleh menghina agama-agama lain serta kedua mengenakan tindakan keras ke atas mana-mana pihak yang cuba menghasut supaya Sabah dan Sarawak keluar dari Malaysia.

Jelas ini yang rakyat mahukan. Rakyat mahu kerajaan tegas lebih-lebih lagi semakin ramai yang mula mencetuskan provokasi murahan dengan menyentuh isu-isu sensitif seperti khutbah Jumaat ini. Justeru rakyat tidak mahu kerajaan tunduk mahupun kompromi dalam soal keamanan dan kestabilan negara terutamanya apabila ia mula melibatkan isu-isu sensitif seperti isu kesucian agama Islam, hak keistimewaan orang Melayu serta keselamatan negara secara keseluruhannya. Hakikatnya kita perlu sedar, insaf dan terima kenyataan bahawa zaman sudah berubah.

Situasi dan senario politik serta kemajuan teknologi pada ketika akta ini digubal iaitu pada 1948 jauh berbeza dengan apa yang sedang kita hadapi sekarang. Misalnya mana ada media sosial pada tahun itu seperti Facebook mahupun Twitter yang semakin menjadi duri dalam daging dalam soal mengganggu ketenteraman awam serta perpaduan nasional.

Penyalahgunaan media sosial sebagai medium untuk menaburkan fitnah serta menghasut rakyat dengan pelbagai dakwah dan fakta yang mengelirukan dilihat semakin menjadi satu trend dan budaya yang tidak sihat dalam kalangan segelintir rakyat kita sendiri yang tidak sayangkan negara serta mempunyai agenda peribadi tersendiri. Apakah kita mahu membiarkan mereka ini menghancurkan segala apa yang telah kita bina sekian lama?

Maka kita perlu berpijak di bumi yang nyata. Tidak wajar cepat melatah dan hanya melihat sisi negatif akta ini serta merumuskan bahawa akta ini zalim, menyekat kebebasan bersuara serta tidak demokratik. Kenapa kita begitu sukar untuk melihat sesuatu perkara itu pada sudut positif terlebih dahulu sebelum menjatuhkan hukuman secara membuta tuli. Dan kenapa kita begitu degil dan berkeras mahu menafikan sumbangan signifikan akta ini selama ini terhadap aspek keselamatan negara, kestabilan politik serta perpaduan nasional.

Apakah mengambil tindakan keras ke atas pihak yang cuba menghasut rakyat Sabah dan Sarawak keluar dari Malaysia ataupun menghukum individu yang menghina agama Islam dan raja-raja Melayu dilihat sebagai tindakan zalim, menyekat kebebasan bersuara mahupun tidak demokratik? Kalau begitulah gambaran maka penulis percaya majoriti rakyat kita sanggup menyokong dan terus mempertahankan akta yang digambarkan sebagai

zalim dan tidak demokratik ini.

Cuba bayangkan andai kita tidak mempunyai akta ini apa akan terjadi kepada negara dan masyarakat majmuk kita yang sering diancam dengan pelbagai dugaan dan cabaran membabitkan perhubungan antara kaum yang cukup kompleks dan rumit. Mana mungkin para pemimpin lalu mampu memelihara keselamatan negara dan perpaduan nasional tanpa bantuan akta seperti ini yang sering menjadi formula dan alat yang cukup penting dan mujarab.

Janganlah kerana kepentingan dan agenda peribadi kita sanggup lupakan sejarah dan menggadai keselamatan negara dan perpaduan nasional. Lihatlah pada sudut pandangan positif serta sedar dan terima hakikat kepentingan akta ini secara jujur dan ikhlas tanpa sebarang prejudis mahupun syak wasangka.

Hakikatnya asas pembinaan negara ini ialah kontrak sosial dan Perlembagaan Persekutuan yang selama ini menjamin kestabilan negara kita. Maka adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menghormati antara tiang seri utama asas tersebut iaitu memelihara kesucian agama Islam sebagai agama rasmi, menghormati hak keistimewaan orang Melayu serta kedudukan raja-raja Melayu tanpa menafikan hak penganut agama lain serta kedudukan orang bukan Melayu. Maka akta inilah selama ini menjadi wadah untuk kita menjamin kelestarian kestabilan negara dan perpaduan nasional.

Pesan kita kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) jangan sesekali teragak-agak untuk menggunakan akta ini andai tindakan si pelaku sudah cukup jelas dan terbukti mengancam ketenteraman awam dan negara. Kami akan menyokong sepenuhnya tindakan PDRM tersebut.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia